

## Bekalan makanan cukup

**Kuala Lumpur:** Bekalan barang keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan dalam negara yang berterusan serta mudah diperoleh.

Menteri Pertahanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga membuat pemantauan di peringkat pengeluar makanan dan memberi jaminan bekalan barang keperluan mencukupi.

"Orang ramai dinasihati tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan kerana ia dijamin mencukupi.

"Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barang di 959 premis perniagaan membabitkan 743 peruncit, 185 pemborong dan 31 pengilang.

"Semalam (kelmarin), penguat kuasa KPDNHEP turut melakukan 2,643 pemeriksaan khas Pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya pada sidang media harian di Putrajaya di sini, semalam.